

**ISLAM LIBERALISASI — ISU DAN CABARAN SERTA USAHA  
MEMBENDUNGNYA — PENGALAMAN NEGARA  
ANGGOTA MABIMS**

**OLEH**

**MAJLIS UGAMA ISLAM SINGAPURA**

## Pendahuluan

Kehidupan beragama sesebuah masyarakat khususnya masyarakat Islam yang hidup dalam dunia pasca moden kian terkesan dengan pelbagai perubahan dan kemajuan pesat yang berlaku sejak kebelakangan ini. Keadaan ini menjadi lebih getir dibadai arus globalisasi, di mana cabaran yang dihadapi menjadi semakin hebat terutama sekali dalam sebuah negara seperti Singapura yang mengamalkan dasar terbuka dalam sistem ekonomi dan perdagangannya; sebuah masyarakat majmuk yang berbilang kaum dan agama. Dalam dunia abad ke-21 yang begitu pesat berubah dan saling bergantungan, unsur-unsur budaya sama ada yang baik atau sebaliknya mudah meresapi sempadan setiap negara, hasil daripada dasar terbuka dan dunia tanpa sempadan.

Sesebuah masyarakat mahupun negara boleh memilih dasar untuk mengasingkan diri (*isolationist policy*). Namun, memilih dasar ini bagi mengatasi fenomena globalisasi bukanlah satu alternatif yang bijak. Lantaran itu, adalah amat penting sekali untuk memacak iltizam kehidupan beragama kita demi memastikan faktor-faktor yang disebutkan tadi tidak akan berupaya menghakiskan daya keagamaan yang *wasyati* (moderat) masyarakat Islam Singapura.

Kehidupan beragama yang *wasyati* lagi *syumul* (menyeluruh) perlu mengambil kira realiti masa kini agar terdapat keseimbangan dalam interaksi antara usaha memperkasa kehidupan beragama dengan suasana atau *waqi'* (konteks) yang mempengaruhi kehidupan masyarakat secara am. Perkara ini diakui syarak kerana ijtihad dan pembentukan fatwa mengambil kira faktor-faktor di atas, mentelah lagi kehidupan beragama sesebuah masyarakat. Jika keseimbangan ini gagal dihasilkan, bukan sahaja berlaku pergeseran di antara kedua-duanya, malah akan timbul bibit-bibit kepercayaan bahawa agama khususnya Islam, tidak lagi relevan dalam dunia masakini. Perkara ini pastinya merungsingkan semua pihak, lebih-lebih lagi pendidik, ibu-bapa dan penguasa agama.

Namun demikian, kehidupan beragama masyarakat Islam yang hidup dalam dunia pasca-moden pasti terkesan dengan sejarah, budaya dan pengalaman keagamaan masyarakat lain. Ini tidak dapat dielakkan dek kesan dan impak kemodenan dalam minda, jiwa, peradaban dan tasawwur (*weltanschauung*) masyarakat Islam. Ini telah berlaku dalam benak agama samawi yang lain dan pasti Islam tidak terkecuali. Pergelutan ini telah dan akan terus berlaku. Ia merupakan cabaran masyarakat beragama dalam dunia moden atau pasca-moden. Antara cabaran utama ini adalah “Liberalisasi Islam”.

### **Wacana Pemikiran Islam Dunia Moden**

Sebelum kita dapat membedah, meneliti dan merungkai falsafah dan intipati ‘Liberalisasi Islam’ atau ‘Islam Liberal’, kita perlu terlebih dahulu menyusur sejarah tamadun dan pemikiran Islam moden. Menurut Seyyed Hossein Nasr, “Few subjects arouse more passion and debate among the Muslims today than the encounter between Islam and modern thought.”<sup>1</sup>

Jelas, sejak lebih dua abad yang lepas para pemikir Islam telah pun bergelut dengan persoalan hubungan Islam dengan Peradaban Moden Barat dalam penulisan-penulisan mereka. Walau dalam apa bentuk sekalipun, kita tidak dapat nafikan ‘wacana pertembungan’ dua budaya ini dapat digarap dan difahami sebagai pertembungan tradisi dan kemodenan, islah dan tajdid, turath wal hadathah, Islam dan Secularism. Walau ia berbeza nama dan istilah, ia tetap merujuk kepada satu perbahasan utama; bagaimana masyarakat Islam, di timur mahupun barat, dapat mengamalkan dan mempertahankan agama, budaya dan tradisi dan menongkah arus kemodenan yang datang bersama-sama dengan peradaban Barat. Makna dan intipati kemodenan bertitik tolak dari *Renaissance Barat*. Malah sehingga kini, dalam keadaan Barat telahpun bergerak ke zaman pasca moden, satu lagi babak dalam sejarah tamadun mereka.

Modenisme bukan sekadar suatu perkataan semata-mata. Ia merupakan suatu konsep penting dalam pembinaan tamadun. Konsep modenisme berasal

daripada perkataan Latin iaitu perkataan “modo” yang bermaksud dengan “recently” “just now” dan ia mula digunakan pada abad ke-15 lagi<sup>1</sup>.

Dalam zaman sebelum era modenisme, semua bentuk nilai dan urusan kehidupan berdasarkan kepada agama (*ancien régime*). Di waktu zaman “enlightenment”, ia telah ditukar secara menyeluruh kepada nilai sekular, dan perkara yang bersandar kepada agama turut dihapuskan oleh golongan modenisme. Sekularisme yang diperjuangkan telah menjadi realiti sebenar dalam kehidupan selepas berlakunya Revolusi Perancis pada tahun 1789. Kebebasan secara menyeluruh dan demokrasi liberal yang telah dianggap moden telah menjadi sandaran hidup barat sehingga hari ini. Akibat daripada ‘keangkuhan, keegoan dan penolakan terhadap agama’, masyarakat Barat berusaha mencari alternatif baru untuk menggantikan nilai agama yang sekian lama mendasari kehidupan mereka. Ia bertujuan untuk mencorak kehidupan mereka yang dikatakan moden.<sup>2</sup>

Impak modenisme atau kemodenan kepada masyarakat Islam nusantara pastinya tidak dapat dinafikan mahupun dielakkan, bermula dengan penjajahan dan terkini dengan era digital tanpa sempadan dan arus globalasi. Namun, harus juga kita imbas sejarah golongan Modenis dalam pemikiran Islam yang sedikit sebanyak dapat memberi kita kefahaman bagaimana arus “Liberalisasi Islam” berakar umbi dalam dunia nusantara.

Dalam membahaskan mengenai kesesuaian Islam dengan kemodenan, para pemikir Islam secara umumnya terbahagi pada dua. Sementara sebahagian daripada mereka meragui keserasian Islam dengan kemodenan justeru mempertahankan keutuhan tradisi, yang boleh kita istilahkan sebagai ‘Golongan Tradisionalis’, sebahagian lain merasakan satu keperluan bagi umat Islam merubah diri selari dengan arus modenisasi – ‘Gologan Modenis’.

---

<sup>1</sup> Krishan Kumar. 1995. From post industrial to post modern society, New Theories of The Contemporary World . USA: Blackwell Publishers

<sup>2</sup> Schacht, Richard. 1991. Classical Modern Philosophers: Descartes to Kant . London: T. J. Press (Padstow) Ltd

Mengikut beberapa pengamat dan peniliti, pada abad ke-19 dan 20, kita dapat menyaksikan kemunculan gerakan modenis di kebanyakan Dunia Islam, dan dunia Islam nusantara tidak terkecuali dengan kemunculan tokoh-tokoh seperti Kiayi Ahmad Dahlan (1868-1923) dan Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi (1887-1934). Dengan tujuan utama untuk melakukan pembaharuan dalam pemikiran masyarakat Islam bagi membolehkan mereka menyaingi kemajuan yang dibawa oleh tamadun dan budaya Barat moden, mereka menyeru ke arah pentafsiran semula (*tajdid al-khitab ad-deeni*) sebahagian ajaran-ajaran Islam di atas nama tajdid dan Islah. Dalam sejarah, aliran ini biasanya dikaitkan dengan gerakan reformis yang didahului oleh Jamal al-Din al-Afghani (1839-1897) Muhammad Abduh (1849-1905), al-Tahtawi (1801-73), Farid Wajdi (1875-1954), Qasim Amin (1865-1908), Muhammad Ibn Ali al-Sanusi (1787-1860) and Khairuddin al-Tunisi (182289). Bermula pada asasnya di Mesir dan Timur Tengah, gerakan ini juga lahir di Dunia Islam yang lain seperti di India dengan kemunculan pemikir-pemikir seperti Sayyid Ahmad Khan (1817-1898), Ameer Ali (1849-1928) and Abul Kalam Azad (1888-1958).<sup>3</sup>

Reformasi yang dibawa golongan modenis menjadi teras pembaharuan dan *tajdid khitab ad-dini* (pembaharuan faham agama) disebabkan kemunduran umat Islam dan penjajahan Barat. Hasil daripada usaha-usaha positif golongan reformis ini dapat dilihat dalam masyarakat khususnya di nusantara, contohnya dengan terbentuknya institusi pendidikan agama yang bukan hanya memberi penekanan kepada pendidikan agama semata-mata malah memberi fokus dan tumpuan kepada ‘ilmu-ilmu moden dan matapelajaran akademik’ - dalam erti kata lain, penekanan kepada pendidikan agama dan kemahiran yang diperlukan dunia moden. Di samping itu, terdapat kefahaman bahawa sistem politik Barat yang berpaksikan kebebasan demokrasi, bersuara dan hak individu sebenarnya bersesuaian dengan prinsip Islam dan dapat diterima dan dijalankan oleh negara dan pemerintahan Islam. Isu yang sama pasti tidak dapat diterima pada zaman Khilafah Othmaniah atau bagi mereka yang beroreintasikan

---

<sup>3</sup> Mansoor Moaddel, Kamran Talattof, *Contemporary Debates In Islam: An Anthology of Modernist and Fundamental Thought* (London: MacMillan Press, 2000).

pemikiran tradisi mutlak. Jelas, sudut pandangan kaum Modernis bukanlah suatu yang asing atau ditolak syarak kerana ia berpaksikan dalil dan prinsip syari'e dan keperluan masyarakat. Namun, apakah penilaian yang sama dapat diperkatakan untuk 'Liberalisasi Islam atau Islam Liberal'?

### **Liberalisasi Islam atau Islam Liberal: Aliran Pemikiran Dunia Digital**

Wacana pemikiran Islam terkini telah melihat kemunculan aliran Islam Liberal atau Liberalisasi Islam yang lebih bebas dan longgar dalam mentafsirkan sebahagian ajaran-ajaran agama. Ia seakan terasing dari dalil, kerangka dan prinsip-prinsip agama yang tetap (*thawabit ad-din*) dan seakan-akan ingin membawa kepada emansipasi minda yang dibebaskan daripada kongkongan agama dan kebebasan mutlak dalam memahami teks agama tanpa rujukan otoritatif atau pendapat ulama tersohor yang lebih bertepatan dengan nas dan konteks semasa. Charles Kurzman, seorang ahli Sosiologi dari Universiti North Carolina, berpandangan bahawa idea Islam liberal ini bukan satu wacana baru. Ia sudah bermula dengan ide-ide reformis pemikir-pemikir awal timur tengah seperti al-Tahtawi, Ali Abd Raziq, kemudiannya diteruskan oleh beberapa pengkagum Barat seperti alumni Sorbonne, Hasan Hanafi dan Muhammad Arkoun dan yang lain-lain seperti Faraj Fawdah, Muhammad Said al-Asmawi, Nasr Abu Zayd dan lain-lain.<sup>4</sup>

Kita boleh mengajukan argumentasi awal bahawa 'golongan Liberal' ini nampaknya tidaklah bersifat negatif. Malah seperti golongan Modernis, mereka juga menyeru ke arah pembukaan pintu ijtihad dan penyeruan ke arah kefahaman Islam yang terbuka, moden dan progresif. Namun arah tuju aliran fahaman Islam mereka nampaknya berkecenderungan untuk **melewati batasan keagamaan** apabila mereka menuntut tafsiran Islam yang pluralis dan subjektif, pemisahan politik dan agama secara harfiah dan mutlak, dan pembebasan dari tafsiran ulama muktabar. Istilah-istilah yang digunakan dalam wacana mereka

---

<sup>4</sup> Charles Kurzman, *Liberal Islam: A Source Book* (Oxford University Press, 1998)

juga agak membimbangkan seperti Islam “tanpa Syariah” dan sebagainya. Dengan mendakwa mereka mengembalikan semangat Mu’tazilah dalam tradisi pemikiran Islam, ternyata kelompok Islam liberal telah pergi lebih jauh dari apa yang dipegang oleh kaum Mu’tazilah sendiri. Malah, mereka juga ingin membangkitkan semangat pencerahan (*Enlightenment*) dan kebangkitan semula (*Renaissance*) sepertimana yang berlaku dalam tradisi Barat.<sup>5</sup>

Sekali imbas perbahasan ini tidak bermasalah, namun jika kita merujuk secara khusus kepada Jaringan Islam Liberal (JIL) di Indonesia, mereka menjelaskan bahawa istilah liberal yang digunakan bukan sekadar bermaksud **kebebasan** tetapi juga mempunyai maksud yang lebih aktif dan agresif iaitu **pembebasan** (*liberation*). Oleh yang demikian, boleh kita fahami bahawa terdapat usaha untuk membebaskan masyarakat Islam dari belenggu tafsiran agama yang dianggap sempit. Liberal juga merupakan kata sifat yang diletakkan kepada Islam bagi menggambarkan pandangan pluralis golongan ini dan penegasan bahawa Islam adalah terbuka kepada pelbagai tafsiran dan kesemua tafsiran, termasuk Islam Liberal, adalah sah dan dapat diterima pakai.<sup>6</sup>

### **Membangun Kefahaman Wasatiyah melalui SMI**

Dengan berlatarbelakangkan konteks dan realiti Singapura yang merupakan suatu negara kosmopolitan dan terbuka; negara yang terbuka kepada penularan ide-ide yang liberal mahupun ekstremis, negara majmuk yang berbilang agama yang berorientasikan teknologi komunikasi yang moden, dan masyarakat Islam di Singapura sebagai minoriti dari segi bilangan, masyarakat Islam Singapura telah menggariskan sepuluh ciri-ciri masyarakat Islam cemerlang yang:

---

<sup>5</sup> Sila rujuk kertas kerja Aliran Pemikiran Islam Kontemporari, Mohd Farid Mohd Shahran (2005)

<sup>6</sup> Sila rujuk perbahasan mengenai asas-asas Islam Liberal di Indonesia dalam <http://islamlib.com/REDAKSI/tentang.html>

- Berpegang teguh pada prinsip Islam dan dapat menyesuaikan diri dengan konteks yang berubah
- Menghayati tamadun dan sejarah Islam dan berupaya memahami isu-isu semasa
- Menghargai lain-lain tamadun, yakin diri untuk berinteraksi dan sedia belajar daripada masyarakat lain
- Mempunyai moral yang tinggi dan sifat kerohanian yang utuh, mampu mengatasi cabaran kehidupan masyarakat moden
- Progresif, mengamalkan Islam lebih dari sekadar ritual/bentuk dan dapat menyesuaikan diri dengan arus pemodenan
- Dapat menyesuaikan diri sebagai golongan yang memberi sumbangan dalam masyarakat berbilang agama dan negara sekular
- Tidak menyisihkan diri dan menerima kehidupan majmuk tanpa mengabaikan prinsip dan nilai murni Islam
- Percaya bahawa Muslim yang baik adalah rakyat yang baik
- Membawa kesejahteraan kepada semua dan menggalakkan nilai dan prinsip sejagat
- Menjadi contoh dan inspirasi kepada semua

Sepuluh ciri masyarakat Islam Singapura yang cemerlang membentuk Identiti Muslim Singapura atau SMI (*Singaporean Muslim Identity*). SMI menjadi teras utama bagaimana masyarakat Islam Singapura dapat memperkuatkan jati diri, berani mengharungi cabaran, dan mampu menyesuaikan diri dalam konteks yang berubah-ubah. Ia merupakan ciri-ciri yang berpaksikan prinsip *wasatiyah fid deen* (keserdehanaan dalam agama) yang mengambil kira suasana masyarakat majmuk dan konteks negara-bangsa yang berbilang agama dan sekular. Ia boleh dianggap usaha masyarakat Singapura untuk membentuk kehidupan beragama yang baik, seimbang, sederhana yang bukan hanya berjaya membangunkan jati

diri masyarakat minority Muslim sebagai *Khaira Ummah* bahkan menjadi benteng utama dari segala anasir keterlaluan dalam agama (*la ifraath wa tafriith*) dan ini termasuk ideologi tegar, ajaran sesat dan pemikiran liberal.

Sepuluh ciri-ciri kecemerlangan ini dapat dirumuskan dengan kekata ringkas – RICAP:

**R- Religiously Resilient** (Mempunyai daya tahan keagamaan)

**i- Inclusive** (Tidak menyisihkan diri, membawa kesejahteraan dan rahmah untuk semua)

**C- Contributive** (Memberikan sumbangan tanpa mengira agama, bangsa)

**A- Adaptive** (Mampu menyesuaikan diri dan hidup dengan harmoni di dalam konteks kehidupan di Singapura dan berpegang utuh pada prinsip dan identiti Islam)

**P- Progressive** (Yakin dengan pegangan agama dan berani menerajui bidang-bidang baru dan mengembangkan tradisi Islam)

Masyarakat Islam Singapura inginkan sebuah masyarakat Islam yang progresif, terbuka, inklusif dan juga selesa dengan masyarakat lain, selain dapat menyertai arus kemodenan tanpa memandang penglibatan mereka sebagai bercanggah dengan ajaran Islam sebenar dan prinsip-prinsip agama yang tetap (*thawabit ad-din*).

Konsep SMI telah diperjelaskan oleh Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) dalam sebuah dokumen yang diberi nama *Risalah: Membangun Masyarakat Islam Cemerlang Singapura*.<sup>7</sup> Ia adalah hasil daripada beberapa sesi perbincangan dan musyawarah bersama para aktivis Islam, anggota pentadbir masjid, para asatizah serta golongan belia. Muis kini sedang giat menyampaikan mesej *Risalah* ini serta ciri-cirinya yang sepuluh, dengan harapan ia dapat membentuk sebuah identiti Muslim Singapura.

---

<sup>7</sup> Risalah: Membangun Masyarakat Islam Cemerlang Singapura, Muslim Religious Council of Singapore, Singapore. Muslim Religious Affairs Division (2006).

Harus ditekankan di sini bahawa konsep SMI ini sama sekali tidak mengetepikan konsep ummah sejagat. Umat Islam Singapura, walaupun mempunyai identiti mereka yang tersendiri, masih tetap berpandangan global. Konsep SMI hanya mengetengahkan hakikat bahawa umat Islam masakini hidup dalam kelompok sekitaran dan lingkungan yang berbeza antara satu sama lain. Faktor-faktor luaran atau sekitaran yang mempengaruhi umat Islam di Singapura sudah pasti berbeza dengan faktor-faktor luaran yang dihadapi oleh masyarakat Islam yang tinggal di luar Singapura, lantas ini memerlukan respons yang berbeza di dalam menangani sesuatu cabaran atau permasalahan.

Namun di dalam memberikan respons tersebut, umat Islam di Singapura juga terikat dengan prinsip dan nilai-nilai Islam yang asas dan *universal*. Konsep SMI juga tidak bermakna yang umat Islam di Singapura bersifat tertutup dan hanya mementingkan keunikian faktor luarannya yang tersendiri saja di dalam memperkasakan kehidupan keagamaannya atau terlalu terbuka dan ‘liberal’. Sebaliknya, SMI menuntut umat Islam Singapura supaya menghayati tamadun Islam dan juga mempelajari tamadun-tamadun yang lain demi memperkasakan kehidupan keagamaan mereka berasaskan prinsip *wasatiyyah*. Ini sesuai dengan semangat Islam yang menggalakkan pengikutnya untuk mempelajari apa saja yang baik dan berguna, tidak kira dari mana sumbernya, seperti yang dirakamkan oleh sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam At-Tirmizi:

الْكَلِمَةُ الْحَكِيمَةُ ضَالَّةٌ كُلُّ مُؤْمِنٍ فَحِينُ وَجَدَهَا فَهُوَ أَحَقُّ بِهَا

“*Kalimat berhikmah adalah barang yang hilang daripada setiap orang yang beriman. Di mana sahaja dia mendapatinya, maka dia lebih berhak milikinya.*”

### **Memperkasa Kehidupan Beragama di Singapura melalui SMI**

Pada hemat kami, ramai golongan masyarakat Islam di Singapura sudah pun memiliki beberapa ciri SMI. Namun, apa yang diinginkan ialah agar etos

SMI ini menjadi ciri dominan kehidupan keagamaan di Singapura kerana kesemua 10 ciri SMI tersebut boleh dipertahankan dari sudut agama. Dan kita dapat menyaksikan melalui pelbagai respons di bawah ini bahawa masyarakat Islam Singapura telah menyahut gesaan untuk membentuk SMI dan menterjemahkannya dalam kehidupan keagamaannya. Ia menjadi banteng kepada penulara ide dan pemahaman ekstremis mahupun liberalisasi.

Berikut adalah sebahagian daripada contoh-contoh yang menunjukkan sejauh mana SMI telah diterjemahkan dalam kehidupan keagamaan masyarakat Islam Singapura:

i) Fatwa Mbenarkan Masyarakat Islam Singapura Menyertai HOTA

Melalui sifat progresif dari segi pemikiran dan pengamalan agama, sebahagian besar masyarakat Islam Singapura telah menunjukkan persetujuan mereka terhadap fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Muis baru-baru ini yang membolehkan orang Islam disertakan dalam Akta Pemindahan Organ Manusia atau HOTA (*Human Organ Transplant Act*).

Setelah memahami perincian akan hukum pendermaan dan pemindahan organ dan mengapa fatwa yang terdahulu tidak mengizinkannya, masyarakat Islam Singapura kini dapat menerima fatwa baru tersebut, lebih-lebih lagi setelah mereka mengetahui *maqasid* ataupun tujuan Syariat Islam, serta dasar agama Islam yang menganjurkan sifat ihsan dan rahmat kepada semua, tidak kira bahasa, bangsa atau agama.

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

“Tidak Aku mengutuskan kamu (Muhammad) melainkan untuk membawa rahmat kepada sekalian alam.” [al-Anbiya’ (21): 107]

Penerimaan fatwa tersebut merupakan satu perubahan besar dalam pembangunan intelek masyarakat Islam Singapura yang mencerminkan kesediaan mereka untuk keluar dari takuk lama (pendekatan modenis tanpa perjudis) demi memartabatkan nilai-nilai Islam seperti ihsan dan rahmat untuk semua dalam kehidupan keagamaan. Ini sekaligus adalah satu usaha dakwah yang menonjolkan keindahan Islam di kalangan masyarakat besar Singapura yang bukan Islam. Ia juga menjadi bukti kukuh bahawa kepimpinan dan masyarakat Islam Singapura dapat membumikan prinsip *wasatiyyah* dan membangunkan etos SMI dan menampilkan “keterbukaan dan liberalnya masyarakat Islam Singapura tanpa meliberalisasikan prinsip-prinsip Islam”.

ii) Pendidikan Islam sebagai Tunjang Keidupan Beragama

Pendidikan Islam merupakan wadah utama dan strategik di dalam meningkatkan kefahaman dan kesedaran terhadap Islam. Ia perlu selalu dikemaskini untuk memastikan ia kekal relevan dan menarik di samping memberikan panduan yang sesuai dengan lingkungan umur dan perkembangan sekitar.

Maka, semenjak 2004, Majlis Ugama Islam Singapura telah membangunkan program pendidikan Islam baru bagi golongan kanak-kanak sehingga belia, yang diberi nama a.L.I.V.E (*Live Islamic Values Everyday*) dan juga program Pendidikan Islam Bagi Dewasa<sup>8</sup>. Program-program pendidikan baru ini bertujuan mempertingkatkan mutu kandungan pendidikan Islam agar ia mengambil kira keperluan setiap lapisan masyarakat. Selain memberikan pendedahan kepada kandungan agama, kandungan program-program baru yang bermodul ini juga memuatkan kemahiran sosial, pengurusan kewangan dan *tips-tips* menjaga kesihatan untuk membantu mereka di dalam menjalankan

---

<sup>8</sup> Sila lihat - <https://www.muis.gov.sg/ie/About/What-is-ADIL/Introduction>

kehidupan seharian dengan lebih berkesan, sesuai dengan tuntutan agama yang bersifat menyeluruh.

Di samping isi kandungan, program-program baru ini juga menggunakan pedagogi dan andragogi yang lebih menarik dan berkesan dalam pendidikan. Ini dilaksanakan dengan membabitkan perbincangan, aktiviti (*experiential*) dan juga penggunaan teknologi *audio visual* terkini. Satu program istimewa a.L.I.V.E adalah program pendidikan Islam yang diadakan pada setiap cuti sekolah. Program ini bertujuan memberi peluang kepada pelajar yang tidak sempat menghadiri kelas agama mingguan untuk mendapatkan peluang mempelajari agama sekurang-kurangnya pada waktu cuti. Program demikian bertujuan sekaligus meningkatkan minat anak muda kepada pendidikan Islam.

Langkah-langkah juga telah diambil untuk memasarkan program-program ini melalui bukan hanya media massa cetak tetapi juga melalui wadah Media Baru (*New Media*) seperti facebook, youtube, blogspot, twitter dan sebagainya. Dengan kandungan dan pendekatan yang dipertingkatkan dan menarik, Muis berharap pemahaman dan kesedaran masyarakat Islam terhadap nilai-nilai *universal* dan kemanusiaan Islam yang bersifat rahmah dan berlandaskan konsep wasatiyyah dapat dihayati dan digarapi semua.

### iii) Skim Pengiktirafan Asatizah (ARS)

Bagi memastikan kelancaran dan kelestarian kehidupan beragama, Muis telah memperkenalkan Skim Pengiktirafan Asatizah atau ARS (*Asatizah Recognition Scheme*) untuk memudahkan orang ramai terutama sekali para belia, mendapatkan khidmat para asatizah yang diiktiraf untuk tujuan pembelajaran Islam. Di bawah ARS, sebuah badan bebas yang dinamakan Lembaga Pengiktirafan Asatizah atau ARB (*Asatizah Recognition Board*) yang dianggotai oleh beberapa asatizah terkemuka yang disegani, akan menilai setiap asatizah bagi memastikan kelayakan mereka untuk memberi khidmat pengajian Islam.

Untuk menggalakkan lebih ramai asatizah tampil ke depan untuk dinilai, mereka yang menyertai skim ARS ini berpeluang menjalani antara lain, Program Pembangunan Intelek serta Pembangunan Latihan dan Kemahiran kelolaan Akademi Muis dan Pejabat Skim Pengiktirafan Asatizah. Program-program peningkatan ini dibiayai sepenuhnya oleh Muis.

Daftar senarai asatizah yang telah diiktiraf oleh lembaga bebas ARB diletakkan di laman Muis untuk dijadikan rujukan bagi orang ramai yang ingin mendapatkan khidmat para asatizah tersebut. Sejak 1 Januari 2017, skim ini telah menjadi skim wajib di mana setiap guru agama atau Al-Quran wajib berdaftar dengan Muis. Sejauh ini, terdapat sekitar 4105 asatizah yang berdaftar di bawah ARS.

Melalui skim ini, masyarakat Islam dapat memastikan pendidikan dan wacana Islam yang mereka terima adalah yang benar, tepat dan bertepatan dengan kehidupan mereka dalam konteks Singapura. Ia juga menjadi benteng penularan ideologi tegar, ajaran sesat mahupun pemikiran liberal. Asatizah yang terdaftar perlu memenuhi sekurang-kurang 30 jam latihan dan pembangunan diri disamping memastikan ajaran dan pendidikan agama yang mereka sampaikan mengikuti piawaian dan kod etika ARS<sup>9</sup>. Malah skim ini diperkasakan dengan

---

<sup>9</sup> Kod Etika ARS menyatakan bahawa guru agama atau guru Al-Quran mesti:

- berpegang teguh kepada ajaran-ajaran Islam yang sederhana;
- memperkenalkan pemahaman agama yang mendalam serta sedar akan pertimbangan kontekstual di dalam penafsiran ajaran agama;
- sentiasa bertindak dengan cara yang mengekalkan kepercayaan dan keyakinan masyarakat Islam Singapura terhadap guru-guru agama, dan yang tidak menjelas nama baik bidang ini;
- menyedari bahawa terdapat pelbagai pendapat dan aliran di dalam agama Islam, dan boleh memilih untuk menerima pakai dan mengajar mana-mana pendapat dan aliran selagi ia tidak menjelas keharmonian antara kumpulan-kumpulan agama atau kaum yang pelbagai atau menyebabkan kekacauan dalam masyarakat awam;
- perlu dibimbing dalam hal perundungan agama oleh ketetapan-ketetapan Jawatankuasa Fatwa.

Dan seorang guru agama atau guru Al-Quran tidak boleh:

kewajipan pendafatran setiap pusat yang menawarkan pendidikan Islam. Setakat ini terdapat 262 pusat dan agensi swasta mahupun awam yang menjalankan dan menawarkan program-program pendidikan agama di Singapura.

Dengan wujudnya skim pengiktirafan ARS, masyarakat Islam dapat memastikan wacana Islam yang dijalankan di Singapura adalah wacana yang moderat, bersesuaian dengan konteks negara-bangsa yang berbilang agama dan budaya serta tidak meyimpang daripada aqidah Ahlus Sunnah wal Jamaah dan anasir-anasir yang tegar mahupun songsang.

iv) Pusat Harmoni Singapura

Kehidupan keagamaan masyarakat Islam Singapura tidak akan begitu lengkap tanpa adanya tatacara perhubungan dengan masyarakat besar Singapura yang berbilang bangsa dan agama yang mana umat Islam Singapura adalah sebahagian daripada masyarakat besar tersebut. Ini sejajar dengan tuntutan Islam bahawa manusia dicipta Allah dengan kepelbagai kaum, kabilah dan bangsa adalah agar mereka saling kenal mengenali antara satu sama lain seperti yang tertera di dalam Al-Quran:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَرَّةٍ وَأَنْشَئَنَاكُمْ شُعُورًا وَقَبَّلَنَا لِتَعْارِفُوا

- 
- menyatakan bahawa sebarang pendapat mengenai Islam atau mana-mana amalan Islam adalah sesat atau tidak boleh diterima kecuali Jawatankuasa Fatwa telah memutuskan demikian dalam ketetapannya;
  - mengakukan sebarang perbuatan yang secara langsung atau tidak merendahkan mana-mana kumpulan agama atau kaum, atau yang boleh mejejasakan keharmonian antara kumpulan agama atau kaum yang berlainan atau menyebabkan kekacauan dalam masyarakat awam;
  - menyokong sebarang idea yang boleh menggalakkan ekstremisme atau keganasan, sama ada secara langsung atau tidak

*“Wahai manusia, sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan. Dan Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal.”* [alHujurat (49):13]

Usaha yang bersifat inklusif ini sebenarnya telah dimulakan pada awal abad yang lalu dengan penubuhan Pertubuhan Antara Agama atau IRO (*Inter-Religious Organisation*) yang dipelopori oleh seorang ulama di Singapura – Maulana Abdul Aleem Siddiqui. Usaha meningkatkan lagi persefahaman silang agama diteruskan buat sekian lamanya oleh Pesekutuan Seruan Islam Singapura atau Jamiyah, sebuah pertubuhan Islam yang diasaskan oleh Maulana Abdul Aleem Siddiqui sendiri.

Usaha tersebut mendapat satu suntikan mala segar dengan penubuhan Pusat Harmoni setinggi dua tingkat yang ditempatkan di bawah bumbung Masjid An-Nahdhah di Bishan. Penubuhan Pusat Harmoni bukanlah untuk mengislamkan masyarakat besar Singapura yang bukan Islam. Sebaliknya, Pusat Harmoni mencerminkan usaha murni Muis agar masyarakat bukan Islam Singapura diberi peluang mendapat pemahaman yang betul mengenai Islam serta mengenali dengan lebih dekat umat Islam Singapura, bak kata pepatah tak kenal, maka tak cinta. Ini merupakan usaha yang amat genting dalam suasana Islam kian disalahtafsirkan ekoran peristiwa hitam 9/11.<sup>10</sup>

Para pengunjung ke Pusat Harmoni berpeluang mendapat pengetahuan yang segera lagi tepat mengenai Islam melalui panel-panel maklumat yang dipamerkan serta persembahan berbilang media yang semuanya mempunyai tiga tema utama – Islam Kontemporari, Ketamadunan Islam dan Intipati Agama Islam (yang merangkumi unsur-unsur Hablum minallah dan Hablum minannas). Turut dimuatkan dalam Pusat Harmoni ialah koleksi kecil artifak-artifak Islam dari serata dunia. Para pengunjung akan dibimbing oleh *docent* yang terlatih yang memainkan peranan persis seperti pembimbing pelancong (*tourist guide*) di muzium-muzium terkemuka di dunia.

---

<sup>10</sup> Sila lihat - <https://www.facebook.com/Harmony.Centre/>

Pusat Harmoni juga telah memainkan peranan proaktif dalam menghidupkan pemahaman dan dialog silang agama dengan menganjurkan secara kerap sesi-sesi perbincangan silang agama yang melibatkan penganut daripada 10 agama rasmi yang diiktiraf pemerintah Singapura – Bahai, Buddha, Hindu, Islam, Jain, Kristian, Majusi, Sikh, Tao dan Yahudi. Malah, di suatu sudut Pusat Harmoni terdapat butiran ringkas dan padat mengenai kesemua 10 agama tersebut dan Piagam Agama yang dipersetujui bersama oleh kesemua para pemimpin 10 agama itu.

Melalui *Program Tinggal Bersama Keluarga Islam*, Pusat Harmoni menyajikan peluang kepada para pengunjung bukan Islam untuk tinggal bersama keluarga Islam buat beberapa hari agar mereka dapat mengamati dengan lebih dekat kehidupan keagamaan sehari-hari Muslim Singapura. Keluarga Islam yang menyertai skim ini adalah sukarelawan yang dikenali sebagai Sahabat Pusat Harmoni.

Dirasmikan pada 2007 oleh Perdana Menteri Singapura, Encik Lee Hsien Loong, Pusat Harmoni Muis kini bagaikan sebuah ikon yang menjadi kebanggaan semua rakyat Singapura. Ini kerana sejauh ini, Pusat Harmoni Muis telah menerima lebih dari puluhan ribu pengunjung dari Singapura dan luar negara. Profil pengunjung yang telah menziarahi pusat ini adalah pelbagai - dari para pelajar sekolah rendah, menengah dah pusat pengajian tinggi, pemimpin-pemimpin agama dan akar-umbi, hingga ke para Menteri dari dalam dan luar negara.

## **Penutup**

Kehidupan beragama bukanlah sesuatu yang bersifat statik. Malah kehidupan beragama yang bertunjangkan prinsip agama dan dasar wasatiyyah merupakan faktor utama dalam melahirkan *Khaira Ummah* atau dalam istilah kami di Singapura – Masyarakat Islam Cemerlang yang memberi Inspirasi dan Memancarkan Rahmah kepada Semua. Bahkan kehidupan agama yang bersifat progresif dan penuh dengan nilai rahmah dan ihsan ini, saling mempengaruhi dan

dipengaruhi oleh realiti kehidupan masyarakat. Realiti kehidupan masyarakat pula banyak dicorak dan dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran seperti sekitaran dan lingkungan.

Ini semua menunjukkan betapa pentingnya untuk mencari keseimbangan antara usaha memperkasakan kehidupan keagamaan dengan suasana atau konteks yang mencorak serta mempengaruhi kehidupan masyarakat secara am. Ia juga memerlukan kepimpinan yang komited dan berpandangan jauh yang dapat mengajak dan meyakinkan umat Islam Singapura untuk mencari dan melaksanakan keseimbangan dalam memperkasakan kehidupan keagamaan masyarakat Islam di Republik ini.

Dalam konteks Singapura, keseimbangan ini diperolehi melalui pencernaan 10 ciri masyarakat Islam Singapura yang cemerlang sebagai Identiti Muslim Singapura (SMI). SMI adalah teras utama mengenai bagaimana masyarakat Islam Singapura dapat memperkuatkan jati diri, berani mengharungi cabaran, dan mampu menyesuaikan diri dalam konteks yang berubah-ubah tanpa perlu mengabaikan prinsip Islam dan sekaligus menjadi benteng penularan ideologi extremis mahupun pemikiran ‘Liberalisasi Islam atau Islam Liberal’.

Ini dengan jelas membawa erti bahawa usaha-usaha memperkasa iltizam kehidupan keagamaan dalam konteks Singapura adalah dengan membentuk dan menerap ciri-ciri SMI dalam diri setiap individu Muslim Singapura dan menterjemahkannya dalam kehidupan seharian masyarakat Islam Singapura seperti yang telah diperincikan dalam kertas kerja ringkas. Usaha-usaha ini pasti akan membumikkan mesej Al-Quran dan As-Sunnah dalam diri individu dan masyarakat serta menjadi benteng utama dari segala anasir dan ideologi songsang, tegar dan salah.